

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status perkembangan tiga projek untuk negeri Kelantan yang telah dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) iaitu pembinaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai, pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) dan tebatan banjir serta jangkaan projek-projek tersebut disiapkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai Paket 1B dan 2A telah dibuka untuk kegunaan, Paket 2B dalam pembinaan manakala Paket 2C dan 3A dalam proses perolehan. Manakala bakinya akan dilaksanakan berdasarkan keutamaan projek serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Mengikut perancangan, keseluruhan jajaran ini dijangka siap pada penghujung Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12).
2. Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra akan dinaik taraf bagi menampung pengendalian sehingga 4 juta penumpang setahun. MEA dimaklumkan oleh Kementerian Pengangkutan bahawa projek ini sedang dalam proses perolehan dan kerja fizikal dijangka bermula pada tahun 2020.

3. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 sedang dilaksanakan pada masa ini. Projek telah dimulakan pada 23 April 2018 dan dijangka siap pada 22 April 2022, iaitu selama 48 bulan. Komponen projek ini merangkumi pembinaan ban banjir di Sungai Lanchang Lemal dan Sungai Golok, pembinaan ban di Sungai Mentua, pembinaan *Outlet Gate* di Kuala Jambu dan kerja-kerja mekanikal dan elektrikal di Kuala Jambu Gates. Prestasi keseluruhan projek adalah 9% berbanding sasaran iaitu 16%.
4. Manakala pelaksanaan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 1 telah dimulakan pada Januari 2018 dan dijangka siap pada Mei 2021. Projek ini melibatkan pembinaan komponen Rancangan Tebatan Banjir, Living River dan Saliran Mesra Alam. Prestasi projek secara keseluruhan adalah 26% berbanding yang dijadualkan iaitu 25%.

Sekian, terima kasih.